



**PANDUAN PEPERIKSAAN
MEMASUKI PERKHIDMATAN
JURUAUDIT GRED W41**



**BAHAGIAN PEPERIKSAAN
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA**

KANDUNGAN

	Muka Surat
Pendahuluan	2
Panduan Umum	3
Sukatan Peperiksaan	3
 <u>Bahagian I - Psikologi</u>	
<u>Seksyen A</u> - Sahsiah Diri	4
<u>Seksyen B</u> - Minat	4
 <u>Bahagian II - Kecenderungan</u>	
<u>Seksyen A</u> - Pengetahuan Am	5
<u>Seksyen B</u> - Daya Menyelesaikan Masalah	6
<u>Seksyen C</u> - Kefahaman Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris	12
<u>Seksyen D</u> - Esei Bahasa Melayu	16
<u>Seksyen E</u> - Esei Bahasa Inggeris	17
 Panduan Menjawab Soalan	 17
Penutup	18

PENDAHULUAN

Peperiksaan ini bertujuan mengukur daya pemikiran serta kebolehan calon mengaplikasi maklumat yang diperolehi melalui latihan akademik, bacaan dan pengalaman. Calon-calun yang menduduki peperiksaan adalah dari pelbagai jurusan. Justeru soalan-soalan yang dikemukakan meliputi pelbagai bidang dan mempunyai skop yang luas.

Matlamat peperiksaan ini adalah untuk mengukur kematangan pemikiran calon agar sesuai dengan kualiti serta potensi seorang Juruaudit Gred W41.

Peperiksaan ini melibatkan tujuh (7) kertas berasingan. Calon-calun perlu menunjukkan prestasi yang baik bagi ke semua kertas. Jika prestasi yang baik dipamerkan pada satu (1) kertas sahaja, maka prestasi keseluruhan calon kurang memuaskan. Namun, jika calon mendapat markah yang baik bagi setiap kertas, maka prestasi keseluruhan dianggap baik. Oleh itu, calon-calun dinasihatkan supaya tidak memfokuskan kepada kertas tertentu sahaja.

Kelulusan peperiksaan ini merupakan satu daripada syarat lantikan ke skim tersebut. Calon-calun yang memenuhi syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia termasuk lulus '*Assesment Centre*' akan ditemu duga.

PANDUAN UMUM

1. Pada hari peperiksaan calon perlu membawa:
 - i) Surat Panggilan Menduduki Peperiksaan.
 - ii) Kad Pengenalan.
 - iii) Alat tulis; pensel 2B, pen, pembaris, pemadam dan peralatan lain yang difikirkan perlu.
2. Calon perlu mematuhi arahan Ketua Pengawas.
3. Calon perlu berada di tempat duduk **lima belas (15) minit** sebelum peperiksaan dimulakan.
4. Calon dilarang berkomunikasi dengan calon-calon lain. Sila angkat tangan jika ada masalah atau pertanyaan.
5. Calon hanya boleh meninggalkan pusat peperiksaan **tiga puluh (30) minit** selepas peperiksaan dimulakan.
6. Jawapan hendaklah dibuat dalam:
 - i) Kertas OMR - bagi Bahagian I (Seksyen A dan Seksyen B) dan Bahagian II (Seksyen A, Seksyen B dan Seksyen C)
 - ii) Kertas Tulis - bagi Bahagian II (Seksyen D dan Seksyen E)
7. Nombor Kad Pengenalan pada kertas jawapan hendaklah **sama** seperti dalam Surat Panggilan Menduduki Peperiksaan.
8. Rujukan kepada mana-mana bahan adalah **tidak** dibenarkan.
9. Calon mesti berpakaian kemas, sopan, dan tidak menjolok mata.
10. Penggunaan mesin kira adalah **tidak** dibenarkan.

SUKATAN PEPERIKSAAN

1. Ujian ini mengandungi dua (2) bahagian iaitu:
 - A. Bahagian I – Psikologi:
 - i) Seksyen A (Sahsiah Diri)
 - ii) Seksyen B (Minat)
 - B. Bahagian II – Kecenderungan:
 - i) Seksyen A (Pengetahuan Am)
 - ii) Seksyen B (Daya Menyelesaikan Masalah)
 - iii) Seksyen C (Kefahaman Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris)
 - iv) Seksyen D (Esei Bahasa Melayu)
 - v) Seksyen E (Esei Bahasa Inggeris)

BAHAGIAN I - PSIKOLOGI

SEKSYEN A – SAHSIAH DIRI

Masa : 40 Minit
Bilangan Soalan : 139

Ujian sahsiah bertujuan menilai sahsiah atau personaliti calon dalam proses pengambilan Juruaudit Gred W41. Ia dibangunkan untuk menilai beberapa gagasan personaliti untuk jawatan ini.

SEKSYEN B – MINAT

Masa : 20 Minit
Bilangan Soalan : 227

Dalam seksyen ini dua (2) pilihan jawapan disediakan. Calon hendaklah memilih jawapan yang sesuai dengan minat.

BAHAGIAN II - KECENDERUNGAN

SEKSYEN A – PENGETAHUAN AM

Masa : 40 Minit
Bilangan Soalan : 50

Tujuan seksyen ini adalah untuk menguji daya kesedaran calon terhadap perkara yang berlaku di Malaysia dan dunia sekelilingnya. Calon dikehendaki mengetahui secara umum berkaitan dengan pengauditan, ekonomi, kewangan, perdagangan, teknologi, pentadbiran kerajaan dan sosial. Soalan-soalan akan ditarafkan kepada peringkat pengetahuan am yang difikirkan patut diketahui oleh rakyat Malaysia yang mempunyai Ijazah Sarjana Muda Kepujian di dalam pelbagai bidang akademik. Siswazah-siswazah yang sering mengikuti perkembangan-perkembangan dunia melalui media massa dan media elektronik seperti surat khabar, majalah, internet dan buku-buku akan mempunyai untuk menjawab soalan-soalan ini.

Contoh Soalan:

1. Bajet 2012 antara lainnya akan memberi fokus untuk meredakan inflasi dan mengimarahkan kehidupan rakyat. Bagi mencapai maksud ini, tindakan berikut akan dilaksanakan iaitu
 - I Meningkatkan pengeluaran bekalan makanan dan industri agro
 - II Subsidi barangan asas dan bantuan
 - III Perumahan rakyat berkualiti dan tabung khas perumahan nelayan
 - IV Penambahbaikan kewangan sektor awam

- A I, II, dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

Jawapan: B

2. Kerajaan amat prihatin dengan beban rakyat akibat kenaikan kos harga barang makanan. Bagi mengawal harga barang dan mengekalkan sistem subsidi terhadap kebanyakan barang keperluan, Kerajaan mengambil inisiatif memperkenalkan Klinik 1Malaysia dan Kedai Runcit 1Malaysia. Di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), manakah inisiatif ini diletakkan?
- A Memperkasakan Prasarana Luar Bandar dan menambahbaik pengangkutan awam
 - B Meluaskan akses pendidikan berkualiti dan berkemampuan dan meningkatkan taraf hidup rakyat berpendapatan rendah
 - C Mengurangkan Kadar Jenayah dan memerangi rasuah
 - D Perangi kos kehidupan yang makin meningkat

Jawapan: D

SEKSYEN B – DAYA MENYELESAIKAN MASALAH

Masa : 45 Minit
Bilangan Soalan : 40






Seksyen ini mengukur daya menyelesaikan masalah calon dengan menggunakan item-item yang berkonsepkan perkara-perkara berikut:

i) Kemahiran Menggunakan Logik

Dalam seksyen ini, calon dikehendaki menggunakan segala pengetahuan, kemahiran berfikir serta kemahiran mengaplikasi maklumat yang diberikan untuk memilih jawapan yang paling tepat dalam menyelesaikan masalah yang dikemukakan.

Contoh Soalan:

1. Berdasarkan gambar di bawah, gambarajah seterusnya ialah




Jawapan: D

Teknik Menjawab:

Cawan di bahagian atas bergerak secara menurun.

2. Isikan nombor yang sesuai di hujung garisan bertanda S



- A 469
- B 220
- C 110
- D 55

Jawapan: A

Teknik Menjawab:

$$\begin{array}{rcl} = 59 - 4 & = 55 & \\ = 117 - 7 & = 110 & \times 2 \\ = 235 - 15 & = 220 & \times 2 \\ = 469 - 29 & = 440 & \times 2 \end{array}$$

ii) Kemahiran Menginterpretasi Data

Calon akan diberikan beberapa soalan penyelesaian masalah yang menggunakan pelbagai data dan perangkaan. Calon dikehendaki menganalisa data-data tersebut untuk menyelesaikan masalah yang dikemukakan.

Contoh Soalan:

1. Jadual berikut menunjukkan markah diperolehi oleh sekumpulan peserta Bengkel Audit Dalam.

Markah	20	30	40	60
Bilangan peserta	18	X	12	15

Jika jumlah peserta kursus adalah 65 orang, berapakah **min** markah?


- A 20
- B 25
- C 36
- D 40

Jawapan: C

Teknik Menjawab:

$$\begin{aligned} \text{Bil } X &= 65 - (15 + 12 + 18) = 20 \\ &(\text{Jumlah markah} \times \text{bil. calon}) / \text{bil. calon.} \\ &= (360 + 600 + 480 + 900) / 65 \\ &= 36 \end{aligned}$$

2. Dalam carta pai berikut menunjukkan jumlah jualan tiket bas untuk empat bulan.



Jumlah jualan adalah RM9,000. Hitung jumlah jualan dalam RM bagi bulan September dan November.

- A 2,600
- B 2,860
- C 2,900
- D 3,150

Jawapan: D

Teknik Menjawab :

$$\begin{aligned} \text{Sudut bulatan} &= 360^\circ \\ \text{Disember+Okt} &= 234^\circ \\ \text{Sept + Nov} &= (360^\circ - 234^\circ) / 360^\circ \times \text{RM9,000} \\ &= 3,150 \end{aligned}$$

iii) Konsep Matematik

Konsep Matematik yang digunakan termasuklah algebra dan geometri. Walaupun ada antara calon yang memiliki kelayakan dalam bidang Matematik di peringkat diploma, ini tidak bermakna memberi kelebihan bagi mereka menjawab soalan berbanding calon daripada bidang lain kerana soalan-soalan yang dikemukakan adalah lebih kepada asas-asas matematik sukatan pelajaran Tingkatan 5 (Sijil Pelajaran Malaysia).

Contoh Soalan:

1. Sebuah kilang menghasilkan 800 unit mentol sehari. Kebarangkalian bahawa sebiji mentol yang dihasilkan itu rosak ialah $\frac{3}{400}$. Berdasarkan pengeluaran 20 hari bekerja, berapakah bilangan mentol yang dapat dijual?

- A 15,780
- B 15,790
- C 15,880
- D 15,980

Jawapan: C

Teknik Menjawab:

$$\begin{aligned} 20 \text{ hari} \times 800 &= 16,000 \\ \text{Rosak } \frac{3}{400} \times 16,000 &= 120 \\ \text{Dapat jual} &= 16,000 - 120 = 15,880 \end{aligned}$$

2. Keluarga Saleh mempunyai 5 orang anak lelaki. Urutan umur anaknya dari yang termuda hingga yang pertama iaitu 2, y , $(2y - 2)$, $(y + 2)$ dan $(y + 4)$. Jika jumlah keseluruhan kelima-lima anaknya ialah 21 tahun, berapakah umur anaknya yang tertua?

- A 8 tahun
- B 7 tahun
- C 6 tahun
- D 5 tahun

Jawapan: B

Teknik Menjawab:

$$2 + y + (2y - 2) + (y + 2) + (y + 4) = 21$$

$$5y + 6 = 21$$

$$5y = 21 - 6$$

$$= 15$$

$$y = 15/5$$

$$y = 3$$

Maka anak tertua, $y + 4 = 3 + 4 = 7$ tahun.

SEKSYEN B – KEFAHAMAN BAHASA MELAYU DAN BAHASA INGERIS

Masa : 45 minit

Bilangan Soalan : 40

Aspek yang diukur ialah:

1. Kemahiran memindahkan maklumat;
2. Kefahaman; dan
3. Kemahiran tatabahasa dan kosa-kata

Contoh Soalan:**Esei 1**

Budaya perpustakaan masih sesuatu yang asing. Sesetengah golongan seperti pelajar hanya mengunjungi perpustakaan apabila ada tugas atau untuk bertemu rakan. Pelajar yang dianggap sebagai golongan terdidik dalam masyarakat amnya menghadkan bacaan kepada bidang pengkajian mereka sahaja. Kebanyakan pelajar tidak membaca buku selain daripada buku teks. Malangnya ramai pelajar hanya bergantung kepada nota kuliah. Akibatnya, pelajar kini tidak dapat menyuarakan idea bernas dan inovatif kepada sesuatu permasalahan.

Permasalahannya sekarang pelajar yang menimba ilmu kebanyakannya adalah mencapai matlamat kebendaan duniawi dari mendapat nilai dalam pendidikan itu sendiri. Budaya materialistic iaitu lima C: Career, Car, Condominium, Country Club & Card kini menjadi matlamat akhir pelajar. Ronald Dore menyebut perkara ini sebagai Diploma Disease iaitu pelajaran yang tergesa-gesa untuk mendapatkan sijil bukan kerana nilai dalaman pendidikan tetapi kerana nilai ekonomi dan martabat sosial yang mungkin boleh diperolehi olehnya.

Sekarang ramai pelajar yang mengejar ilmu untuk mendapatkan ganjaran duniawi. Kepentingan materialistik ini memang penting dalam kehidupan sekarang tetapi ia hendaklah dipastikan tidak menjadi matlamat akhir pendidikan. Julien Benda menyebut hal ini sebagai *betrayal of the intellectuals*. Menurut Benda, mereka berkhianat kerana tanggungjawab moral mereka sebagai kaum intelek kerana mereka lebih mementingkan nilai-nilai praktis itu sendiri dari nilai-nilai ilmu. Ada juga pihak yang mempunyai minat memiliki buku dan menyimpannya di rak tanpa memanfaatkannya. Hal ini akan melahirkan pelajar lulusan sarjana yang tidak mempunyai nilai ilmu yang sebenarnya dan mengabaikan tanggungjawab mereka sebagai kaum intelektual. Kita perlu memastikan sistem pendidikan yang sedia ada tidak akan melahirkan ilmuan Frankenstein yang mengembangkan ilmunya yang menindas masyarakat.

Universiti tempatan sekarang lebih hangat bercakap tentang pengkorporatan dan pembinaan kampus yang lebih besar daripada pembinaan intelektual pelajar. Pembudayaan ilmu adalah satu usaha yang berterusan dan bukanlah berbentuk isu semasa. Pihak universiti hendaklah dalam kalangan masyarakat kampus.

Oleh itu, untuk Malaysia mencapai cita-citanya menjadi sebuah negara yang maju pembudayaan ilmu hendaklah dititikberatkan dan dilakukan secara menyeluruh dalam setiap lapisan masyarakat. Pembudayaan ilmu hendaklah tidak menjadi budaya yang elit dan tertumpu di menara gading sahaja. Ilmuan universiti perlu ke sekolah-sekolah untuk menyemarakkan budaya ilmu. Kelab yang berasaskan konsep pembudayaan ilmu perlu diwujudkan dan berada di bawah naungan universiti.

1. Mesej yang cuba disampaikan oleh pengarang ialah
 - A pembudayaan ilmu adalah suatu usaha yang berterusan.
 - B pemisahan antara ilmu duniawi dengan ilmu islam.
 - C menuntut ilmu penting untuk golongan intelektual.
 - D budaya ilmu sebagai budaya elit.

Jawapan: A

2. Apabila pengarang menyatakan “kepentingan materialistik ini memang penting dalam kehidupan sekarang tetapi ia hendaklah dipastikan tidak menjadi matlamat akhir pendidikan” beliau bermaksud bahawa
- A perlu wujud keseimbangan dalam mengejar kehidupan di dunia.
 - B materialistik adalah tujuan utama dalam sistem pendidikan masa kini.
 - C kepentingan materialistik adalah bukan tujuan utama sistem pendidikan negara.
 - D sistem pendidikan perlu menekankan kesempurnaan dalam matlamat akhirnya.

Jawapan: C

3. Menurut pengarang, proses pembudayaan ilmu di sesebuah negara yang maju hendaklah dilakukan dengan
- A berperingkat-peringkat dan terancang.
 - B pihak guru dan pelajar-pelajar sekolah.
 - C penglihatan semua golongan intelektual.
 - D menubuhkan kelab-kelab yang berasaskan ilmu.

Jawapan: B

Esei 2

The evidence is clear. Wherever there is permanent ice – Greenland, Antarctica, the Alps, the Himalayas – that ice is melting. Anybody who has been to high mountains will have noticed this fact. Scientists agree that the cause for this melting is very simple. The earth's atmosphere is warming up. The melting ice, in turn, is causing sea levels to rise as the extra water from the melting ice pours into the oceans.

Already sea levels have risen about 8 inches (20 cm) in recent years and scientists believe they could rise at least another 20 inches (50 cm) by the year 2100. This could put many heavily populated coastal areas at risk. Coastal Florida, the Nile Delta, Bangladesh and many other areas would end up under water. Along with rising air temperatures, the ocean temperatures are also rising. This has brought changes in weather patterns, with more frequent and more severe storms. Rising ocean temperatures are also one of the factors in the death of coral reefs in the southern oceans. These reefs are the natural homes to 65 per cent of the world's fish.

The warmer air temperatures are also causing changes in the world's climate zones. In Europe, the southern countries along the Mediterranean are already becoming drier and more desert-like. However, countries in Northern Europe, such as Germany and England, have experienced terrible floods from too much rain. Worldwide, agriculture will soon be negatively affected in many places. Life will become more difficult in the poorer countries of Asia and Africa, which already suffer from poor soil and lack of water. Millions of people could be forced to leave their homes and countries in search of food and a better life. Why are temperatures rising? Scientists no longer have any doubts about the cause.

The burning of fossil fuels like coal and petroleum releases carbon dioxide (CO₂) into the atmosphere. CO₂ has always been a part of the atmosphere. However, over the past 150 years, the amount of CO₂ released into the atmosphere has increased enormously. At the same time, the forests that once absorbed CO₂ are being cut down. The result is a thick blanket of CO₂ that covers the earth, making it warmer. There is only one way to slow down this warming of the earth and that is by reducing the amount of CO₂ released into the atmosphere. This can be done by replacing fossil fuels with new energy sources – such as wind power, solar power, or hydrogen fuel cell – that do not release CO₂ or other polluting chemicals.

4. The ice in Antarctica is melting because
- A the temperature of the atmosphere is warmer.
 - B there is a slight decrease in the temperature.
 - C more people are travelling to Antarctica.
 - D sea levels are rising.

Jawapan: A

5. The rising temperature of the ocean is
- A bringing better weather to tourist resorts.
 - B helping many forms of marine life.
 - C preventing storms from forming.
 - D killing many kinds of marine life.

Jawapan: D

6. We can infer from this passage that climate change will result in
- A more people moving from developing countries to industrialized countries.
 - B poorer countries will be modernized in the future.
 - C fewer people moving from developing countries to industrialized countries.
 - D more people becoming farmers in the developing countries.

Jawapan: C

SEKSYEN D – ESEI BAHASA MELAYU

Masa : 1 jam
Bilangan Soalan : 3 jawab 1
Panjang Esei : Bilangan perkataan adalah tidak dihadkan.

Dalam seksyen ini calon dikemukakan isu-isu yang menjemput pandangan tentang sesuatu masalah. Contohnya: “Cara-cara untuk menyelesaikan masalah kesesakan lalulintas di Kuala Lumpur.”

Penilaian adalah berdasarkan pendapat-pendapat calon yang disusun dengan jelas, teratur dan munasabah. Objektif utama adalah untuk mengukur daya kreativiti dan kebolehan calon dalam penguasaan Bahasa Melayu.

SEKSYEN E – ESEI BAHASA INGGERIS

Masa : 1 jam
Bilangan Soalan : 3 jawab 1
Panjang Esei : Bilangan perkataan adalah tidak dihadkan.

Dalam seksyen ini calon dikemukakan isu-isu yang memerlukan pandangan tentang sesuatu masalah. Contohnya: “Electronic Government in Malaysia.” Penilaian adalah berdasarkan pendapat-pendapat calon yang disusun dengan jelas, teratur dan munasabah. Objektif utama adalah untuk mengukur daya kreativiti dan kebolehan calon dalam penguasaan Bahasa Ingggris.

PANDUAN MENJAWAB SOALAN

Nasihat-nasihat berikut diharap dapat membantu calon-calon dalam peperiksaan ini.

Soalan Objektif (Soalan-soalan di dalam Bahagian I dan Bahagian II)

- a. Calon perlu peka bahawa kesemua calon yang menduduki peperiksaan ini adalah dari pelbagai bidang akademik. Soalan-soalan yang dikemukakan juga meliputi kesemua bidang akademik. Oleh yang demikian, terdapat beberapa soalan yang berkemungkinan sukar untuk individu tertentu menjawab kerana berada di luar bidang pengkhususan. Oleh itu, jika terdapat soalan yang tidak boleh dijawab, calon dinasihatkan agar tidak membuang masa dan terus menjawab soalan-soalan berikutnya. Apabila masa mengizinkan, kembali kepada soalan tersebut.
- b. Soalan objektif adalah soalan aneka pilihan di mana empat (4) opsyen jawapan dikemukakan dan calon perlu memilih satu (1). Jawapan yang dikehendaki bukan sahaja yang betul tetapi yang paling tepat. Apabila membaca dan mengkaji kesemua opsyen yang dikemukakan kerana yang diperlukan adalah jawapan yang paling tepat. Dengan meninggalkan jawapan-jawapan yang difikirkan salah, opsyen jawapan akan berkurangan dan ini dapat membantu dalam proses pemilihan jawapan yang tepat.

- c. Bagi merekod jawapan, calon dibekalkan borang khas yang akan diproses menggunakan komputer. Ditegaskan agar calon menggunakan pensil 2B sahaja. Jika alat tulis lain digunakan, jawapan calon tidak diambilkira kerana komputer tidak dapat memprosesnya. Jika calon perlu membuat perkiraan, jawapan contoh dan sebagainya, gunakan kertas lain atau buku soalan. Borang yang dibekalkan adalah khusus untuk merekod jawapan.

PENUTUP

Calon sekali lagi dinasihatkan supaya cuba mendapatkan markah yang terbaik. Jika lulus, calon mungkin berpeluang untuk dipanggil temuduga. Hal ini bermakna peluang untuk dipertimbangkan ke jawatan Juruaudit Gred W41 adalah lebih baik.

'Selamat Maju Jaya'

Bahagian Peperiksaan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia